

Malaysia, NAM kecam Israel
Utusan Online
7 Ogos, 2012

PUTRAJAYA 6 Ogos - Malaysia dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini mengecam tindakan Israel menghalang mesyuarat luar biasa mengenai Palestin diadakan di Ramallah, Palestin.

Kementerian Luar dalam kenyataan berkata, Israel tidak mempunyai alasan sah untuk menghalang beberapa menteri luar dan ketua delegasi memasuki Ramallah kerana lawatan tersebut adalah ke wilayah Palestin dan bukannya Israel.

"Tindakan Israel ini juga menunjukkan sekali lagi kepada NAM dan masyarakat antarabangsa tentang penderitaan rakyat Palestin di dalam perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan sepenuhnya dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu negara.

"Kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus memberi sokongan padu kepada Kerajaan dan rakyat Palestin," kata kenyataan itu yang dikeluarkan di sini hari ini.

Ahad lalu, Israel dilaporkan menghalang delegasi dari Malaysia, Algeria, Bangladesh, Cuba dan Indonesia memasuki Tebing Barat kerana kelima-lima negara tersebut tidak mengiktiraf Israel.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM Mengenai Palestin meminta Biro Penyelarasan NAM di New York mempertimbangkan tindakan sesuai ke atas Israel berikutan kejadian serius tersebut.

"Jawatankuasa berasa kecewa kerana tidak dapat menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin dengan mengadakan mesyuarat di Ramallah.

"Tindakan Israel ini hanya menguatkan azam NAM untuk membantu rakyat Palestin dalam mendapat hak kenegaraan secara sah," katanya dalam kenyataan berasingan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120807/dn_14/Malaysia-NAM-kecam-Israel